

[HADITH PALSU] RIWAYAT YANG BERCANGGAH DENGAN AJARAN AL-QURAN YANG TERANG DAN MUHKAM ADALAH PALSU, CONTOHNYA, “TARIKH TEPAT KIAMAT” & “ADAM TAWASSUL DENGAN NABI MUHAMMAD” & “NABI ISRA’ DARI RUMAH UMMU HANI’ “



<https://youtu.be/-Q0rw8NrJ18>

VIDEO – [Durasi – 14m 22s] – [HADIS PALSU] Hadis Sufi Sebarkan Nur Muhammad & Hawa Penyebab Isteri Khianat

[HADITH PALSU] – RIWAYAT YANG BERCANGGAH DENGAN AJARAN AL-QURAN YANG TERANG DAN MUHKAM ADALAH PALSU, CONTOHNYA, “TARIKH TEPAT KIAMAT” & “ADAM TAWASSUL DENGAN NABI MUHAMMAD” & “NABI ISRA’ DARI RUMAH UMMU HANI’ “

CONTOH-CONTOH HADITH PALSU

1. [00:00:23] – HADITH PALSU PERTAMA

“Umur dunia adalah selama tujuh hari-hari akhirat. Allah telah berfirman, “Sesungguhnya satu hari (dari hari-hari azab akhirat itu) di sisi tuhan mu adalah menyamai seribu tahun dari yang kamu hitung”.

[00:02:58] – KOMENTAR HADITH PALSU PERTAMA

i. Hadith ini direka oleh al-Ala’ Bin Zaidal.

ii. al-Quran ayat 187, Surah al-A’raaf dengan jelas menyatakan hanya Allah sahaja yang tahu bila akan berlakunya hari kiamat.

2. [00:05:15] – HADITH PALSU KEDUA

Nabi s.a.w. dikatakan diisra’kan ke Masjidil Aqsa dari rumah Ummu Hani’

[00:07:30] – KOMENTAR HADITH PALSU KEDUA

i. Al-Quran Surah al-Israa’, Ayat 1, yang bermaksud, “Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Mekah) ke Masjid Al-Aqsa” dengan jelas menyatakan Nabi diisraa’kan dari Masjidil Haram di Mekah.

ii. Orang yang berkeras ingin menerima hadith ini mentakwilkan bahawa rumah Ummu Hani’ berada di dalam Masjidil Haram dan ada juga yang mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan “Masjdil Haram” ialah tanah haram iaitu seluruh kawasan Mekah.

3. [00:08:58] – HADITH PALSU KETIGA

“Bila Adam telah melakukan kesalahan, dia berkata, “Oh Tuhanku, aku memohon kepada-Mu dengan bertawassulkan kedudukan Muhammad, maka Engkau mengampunkan daku”. Maka Allah bertanya, “Wahai Adam, bagaimana engkau tahu Muhammad padahal Aku belum menjadikannya?”. Jawab Adam, “Oh Tuhanku, kerana setelah Engkau menciptakan daku dengan tangan-Mu dan Engkau tiupkan ke dalam tubuhku roh-Mu, aku angkat kepalaku lalu aku melihat di kaki Arasy tertulis, ‘Tiada Tuhan Selain Allah, Muhammad Rasulullah’. Maka yakinlah aku bahawa Engkau tidak akan meletakkan di samping nama-Mu kecuali makhluk yang paling dicintai-Mu”. Maka berkatalah Allah, “Benar katamu wahai Adam. Sesungguhnya dialah makhluk yang paling dicintai. Berdoalah kepada-Ku dalam keadaan bertawassul kepadanya. Sesungguhnya Aku telah mengampunkan mu. Jika tidak kerana Muhammad nescaya tidak Aku ciptakan engkau”.

[00:09:29] – NOTA

Hadith palsu ini dijadikan dalil oleh beberapa golongan untuk mewajarkan amalan bertawassul dengan kedudukan Nabi Muhammad dalam berdoa.

[00:13:36] – KOMENTAR HADITH PALSU KETIGA

i. Doa yang menyebabkan taubat Nabi Adam diterima Allah adalah daripada Allah sendiri (Doa tersebut dinyatakan dalam ayat. 23, Surah al-A’raaf) dan bukannya kerana tawassul dengan kedudukan Nabi s.a.w. seperti yang dinyatakan dalam hadith palsu ini

ii. Al-Hakim dalam Mustadraknya telah melakukan kesilapan dengan menyatakan hadith ini sebagai sahih dan ini telah membuka peluang kepada golongan yang mempromosikan amalan tawassul kepada Nabi s.a.w. (Nota: Kitab Mustadrak hendaklah dibaca bersama kitab Talkhis al-Mustadrak yang menilai hadith-hadith dalam kitab ini)

VIDEO PENUH ASAL – <https://youtu.be/taWZDKGuwQw>